

MHF/COR/MISC/01-2014

8 Januari 2014

Tuan Abdullah Joffri
Blk 420 Ang Mo Kio Avenue 10
#07-1113
Singapura 560420

Kepada Tuan Abdullah yang dihormati

ARTEFAK-ARTEFAK DI GEDUNG KUNING

Assalamualaikum wr wb.

2 Kami merujuk kepada surat tuan bertarikh 15 Jun 2013 dan 2 Januari 2014 dan surat balasan kami bertarikh 24 Jun 2013.

3 Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan beberapa perkara. Menurut rekod kami, perabot dan artefak yang dimaksudkan telah diserahkan kepada Taman Warisan Melayu (TWM) pada 12 dan 17 September 1999 oleh pengamanah (*trustee*) Estet Haji Yusoff Haji Mohamed Noor pada ketika itu, iaitu Tuan Hj Zhulkeflee Hj Ismail, bagi pihak waris keluarga Hj Yusoff. Menurut minit mesyuarat lembaga pengarah Yayasan Warisan Melayu (MHF) pada tanggal 5 Oktober 1999, perabot serta artefak tersebut telah didermakan pihak keluarga waris Hj Yusoff kepada TWM.

4 Semasa proses peningkatan semula TWM sepanjang akhir tahun 2010 hingga September 2012, kami telah mempertimbangkan semula konsep dan jalan cerita serta artefak-artefak yang bakal dipamerkan di muzium di TWM. Ini termasuk penggunaan perabot dan artefak Gedung Kuning yang telah didermakan kepada TWM oleh pengamanah Tuan Hj Zhulkeflee Hj Ismail, bagi pihak waris keluarga Hj Yusoff, pada 1999. Oleh itu, pihak pengurusan MHF dan Lembaga Warisan Nasional (NHB) telah mengadakan dua pertemuan dengan keluarga waris Hj Yusoff pada 21 Mei 2011 dan 31 Mei 2011, untuk memaklumkan perkara tersebut. Pihak keluarga telah diwakili oleh:

- Tuan Mohd Idrus Hj Ismail
- Tuan Mohamad Khir Bin Johari
- Tuan Alwi Bin Joffri

- Tuan Abdullah Joffri
- Tuan Abdul Latif Joffri
- Puan Azizah Hj Abdul Rahim
- Puan Norazlina Abd Kadir
- Tuan Mohd Hashim M Hanafiah
- Puan Junaidah Salim
- Puan Zaleha Salim.

5 Semasa pertemuan pada 31 Mei 2011, pihak waris keluarga yang hadir telah meminta supaya perabot dan artefak yang akan disertakan dalam pameran baru di muzium diletakkan di bawah satu perjanjian pinjaman (*loan agreement*) yang baru di antara pihak keluarga Hj Yusoff dan NHB. Inilah senarai artefak-artefak yang telah dimaklumkan oleh Tuan Alvin Tan dari NHB. Semasa pertemuan itu juga, pihak waris keluarga telah meminta agar baki perabot dan artefak yang tidak akan disertakan dalam museum di TWM dan di Gedung Kuning dipulangkan kepada pihak keluarga.

6 Atas permintaan pihak keluarga, baki perabot dan artefak telah secara rasmi dipulangkan kepada keluarga waris Hj Yusoff, melalui wakilnya, Tuan Mohamad Khir Johari, pada 10 Julai 2012. Kami difahamkan, pengambilan semula telah dilakukan bertahap-tahap kerana barang-barang tersebut telah disimpan di tiga tempat berasingan. Untuk baki perabot dan artefak yang berada di Gedung Kuning, Tuan Mohamad Khir Johari telah mendapatkan kerjasama pihak Mamanda untuk meletakkan barang-barang tersebut di sana buat sementara waktu sehingga pengambilan semula dapat diuruskan. Sejauh ini, pihak Mamanda telah berikan kerjasama mereka dengan baik.

7 Sekiranya pihak keluarga masih berhasrat untuk menyerahkan barang-barang tersebut untuk kegunaan penyewa di Gedung Kuning, ini perlu dilakukan berdasarkan persetujuan antara pihak keluarga dan Mamanda. Sebuah perjanjian pinjaman yang baru antara pihak keluarga dan Mamanda perlu dilakarkan untuk mentadbir pinjaman tersebut. Kesemua perancangan ini dan senarai perabot dan artefak yang dipulangkan telah dimaklumkan kepada pengamanah Tuan Hj Zhulkeflee Hj Ismail pada 16 October 2012, melalui wakil keluarga Tuan Mohamad Khir Johari. Oleh kerana perabot dan artefak tersebut bukan lagi di bawah pemilikan MHF, kami tidak dapat mengarahkan pihak Mamanda untuk meletakkan tag penghargaan yang dimaksudkan.

8 Oleh itu, kami sarankan agar pihak tuan berhubung pengamanah Tuan Hj Zhulkeflee Hj Ismail atau wakil keluarga, Tuan Mohamad Khir Johari, untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

9 Kami harap ini telah menjelaskan duduk perkara yang sebenar. Kami meminta maaf mengambil masa yang lama untuk menjawab kerana kami perlu merujuk kepada beberapa dokumen lama yang telah diarkibkan.

Sekian terima kasih. Wassalam.

Yang benar



Julina Khusaini
bagi pihak Pengerusi, Yayasan Warisan Melayu

Salinan kepada:

Puan Zuraidah Abdullah
Pengerusi, Yayasan Warisan Melayu

Tuan Shaun Phua
Penolong Pengarah, Institusi Warisan
Lembaga Warisan Negara (NHB)

Tuan Hj Zhulkeflee Hj Ismail
Pengamanah (Trustee) Estet Hj Yusoff Hj Muhammad Noor
(1992 hingga kini)

Tuan Mohamad Khir Johari